

## SOALAN 1

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa yang dapat dijadikan sebagai pedoman dalam hidup. [6 markah]

Berdasarkan sebuah novel yang saya pelajari iaitu Leftenan Adnan Wira Bangsa, peristiwa yang dapat dijadikan sebagai pedoman dalam hidup ialah **peristiwa Leftenan Adnan bersungguh-sungguh mempertahankan Bukit Candu daripada ditawan oleh tentera Jepun**. Walaupun beliau mengalami kecederaan akibat ditembak, Leftenan Adnan tidak menyerah kalah dan berjuang hingga ke titisan darah yang terakhir. **Peristiwa ini dapat dijadikan pedoman dalam hidup kerana menimbulkan semangat patriotik dalam diri saya sebagai pembaca agar menjaga kedaulatan tanah air daripada anasir-anasir negatif.**

Selain itu, **peristiwa Pak Saidi yang sanggup menghantar Adnan ke sekolah Inggeris walaupun mendapat tentangan daripada penduduk kampung**. Pak Saidi telah mendapat kritikan hebat kerana menghantar Adnan ke sekolah itu. **Peristiwa ini dapat dijadikan pedoman hidup kerana usaha menuntut ilmu perlulah diteruskan walaupun terdapat cabaran yang dihadapi.**

## SOALAN 2

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan faedah yang anda dapat setelah membaca novel tersebut. [6 markah]

Berdasarkan novel yang saya pelajari iaitu Leftenan Adnan Wira Bangsa, faedah yang saya dapat setelah membaca novel tersebut ialah **saya mendapat pengajaran tentang kepentingan menyemaikan semangat cinta akan negara dalam diri kita**. Kita hendaklah cinta akan tanah air yang menjadi tempat kita bernaung. **Contohnya**, *Leftenan Adnan yang bertugas sebagai guru sanggup meninggalkan kerjaya itu untuk memasuki bidang ketenteraan demi perasaan cintanya akan tanah air.*

Selain itu, **saya mendapat kesedaran tentang kepentingan nilai keberanian**. **Contohnya**, *Kompeni C askar Melayu berani berjuang untuk menentang tentera Jepun sehingga titisan darah yang terakhir walaupun dalam jumlah yang sedikit dan kehabisan peluru.*

### SOALAN 3

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa yang dapat menggambarkan amalan tolong-menolong dalam kehidupan. [6 *markah*]

Berdasarkan novel Leftenan Adnan yang saya pelajari, peristiwa yang dapat menggambarkan amalan tolong-menolong dalam kehidupan ialah **peristiwa Ah Chong membantu Pak Saidi mencapai impiannya untuk memiliki sebuah basikal**. Ah Chong berasa simpati akan Pak Saidi apabila mengetahui pendapatannya tidak menentu. Ah Chong telah membenarkan Pak Saidi membeli basikal di kedainya dengan membuat bayaran beransur-ansur pada setiap bulan.

Selain itu, **peristiwa penduduk kampung membantu Leftenan Adnan menyembunyikan identiti keluarga Leftenan Adnan**. Penduduk kampung enggan memberikan maklumat tersebut kepada tentera Jepun yang sedang mencari isteri dan anak-anak Leftenan Adnan di Kampung Sungai Ramal.

## Soalan 4

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa yang menyedihkan anda sebagai pembaca. [6 markah]

Berdasarkan novel yang saya pelajari iaitu Leftenan Adnan Wira Bangsa, peristiwa yang menyedihkan saya sebagai pembaca ialah **peristiwa ejekan pemuda kampung terhadap Adnan apabila dia telah dituduh sebagai pengkhianat bangsa kerana keluarganya pernah menjadi tali barut Inggeris. Moyangnya pernah menjadi buruan Inggeris. Peristiwa ini menyedihkan saya kerana Adnan yang tidak bersalah menjadi mangsa ejekan penduduk kampung.**

Selain itu, **peristiwa tentera Jepun berjaya menawan Leftenan Adnan. Tentera Jepun kemudiannya menggantungkan Leftenan Adnan yang cedera parah itu pada dahan pokok ceri lalu menikamnya bertubi-tubi dengan bayonet. Kematian Leftenan Adnan yang tragis ini amat menyedihkan hati saya sebagai pembaca.**